



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JULAI 2005 - NOVEMBER 2005

Adalah dilaporkan bahawa kajian ini yang disediakan

Oleh

AHMAD JALANI BIN JALMAHARI


2002286150

Bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN,
BUTIK SUKAN ADIDAS,
DI LOT G 19B, KOMPLEKS MEMBELI BELAH IPOH PARADE,
JALAN SULTAN ABDUL JALIL, GREENTOWN,
30450, IPOH, PERAK.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : Cik Mawar Binti Masri
Koordinator : Cik Mawar Binti Masri
Ketua Kursus : Pn Ramlah Binti Awi

} 

(Nama)

(Tandatangan/ Tarikh)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t , syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat saya menyempurnakan Laporan Projek Akhir bagi Cadangan Merekabentuk Ruang Dalaman Butik Sukan Adidas yang terletak di Lot 19B, Kompleks Membeli Belah Ipoh Parade, Jalan Sultan Abd Jalil, Greentown, 30300, Ipoh, Perak Darul Ridzuan sebagai antara syarat bagi mendapatkan diploma daripada pihak Jabatan Senibina Dalaman, Universiti Teknologi Mara.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada :

- I. Pn Ramlah Binti Awi selaku penasihat dan Ketua program yang telah banyak memberi dorongan, bantuan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan laporan projek akhir ini. Tidak lupa juga kepada Cik Mawar Binti Masri selaku pensyarah dan Koordinator program THESIS (THE 386) yang memberi panduan dan pemantauan yang baik sepanjang semester ini.
- II. En Fakhul Zaman, En Zulkarnain Hazim dan Pn Siti Rohamini selaku koordinator dan panel studio semester 6 yang telah banyak memberi dorongan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan projek ini.
- III. Terima kasih juga kepada ibu bapa yang banyak memberi dorongan dan sokongan
- IV. Rakan-rakan semester 06 yang banyak memberi pertolongan sepanjang pengajian semester ini.

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat diploma adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek proses rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Produk pilihan untuk projek ini adalah Butik Sukan Adidas di Lot 19B, Kompleks Membeli Belah Ipoh Parade, Jalan Sultan Abd Jalil, Greentown, 30300, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan produk barangan Adidas yang berkonsepkan Teknologi dengan kualiti yang tinggi kepada penduduk Perak Tengah. Adanya kedai ini, ia dapat membuka mata generasi muda sekarang tentang teknologi produk Adidas. Kaedah pengkajian yang dijalankan terhadap projek ini berdasarkan pemerhatian terhadap butik dan kedai sukan melalui perbandingan dalam dan luar negara. Perkembangan semasa keinginan barangan sukan yang berkualiti menyaksikan kecenderungan perekabentuk-perekabentuk mengambil bentuk-bentuk tertentu (terutamanya unsur teknologi) untuk dijadikan tarikan yang digunakan itu selalunya kurang menonjol dan mendapat perhatian di kalangan pelanggan. Sebagai sebuah tempat informasi dan penjualan adalah wajar bagi butik sukan ini bebas dari kongkongan pemikiran yang demikian. Justeru, satu perancangan yang teliti telah dibuat sebelum merekabentuk butik sukan ini. Diharap rekabentuk ini memberi manfaat kepada semua samada pelancong asing mahupun rakyat di negara ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ISI KANDUNGAN

SENARAI GAMBAR RAJAH

SENARAI JADUAL

BAB 1

- 1.0 Pengenalan
- 1.1 Matlamat
- 1.2 Objektif
- 1.3 Metodologi
- 1.4 Matlamat
- 1.5 Produk Pilihan
- 1.6 Latar Belakang Adidas
- 1.7 Logo
- 1.8 Klien
- 1.9 Latar belakang Klien

BAB 2

- 2.0 Projek
- 2.1 Pengenalan Projek
 - 2.1.1 Kehendak Klien
 - 2.1.2 Skop Kerja
- 2.2 Kajian Kes
 - 2.2.1 Kajian Kes Satu
 - 2.2.2 Kajian Kes Dua
 - 2.2.3 Kajian Kes Tiga



BAB 1

1.0 PENGENALAN

Kedai sukan memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat dalam bersukan. Kedai Sukan juga memerlukan imej dan tema tersendiri untuk menarik perhatian para pelanggan. Peranan barangan yang dijual juga penting dalam promosi sesuatu kedai tersebut.

1.1 MATLAMAT

- Menjadikan kedai ini sebagai salah satu tempat rujukan kepada para pelajar serta pelancong tempatan dan asing dan memperkenalkan teknologi barangan Adidas terkini di bandaraya Ipoh.

1.2 OBJEKTIF

- 1.2.1 Menjadikan kedai ini sebagai tarikan para pelanggan melalui cara penyusunan 'display'. Bahagian fasad juga memainkan peranan sebagai daya penarik dengan menggunakan imej 'Hi-Tech' dan menonjolkan barangan sukan yang dijual. (Penggunaan poster yang besar)
- 1.2.2 Menarik minat para atlit sukan untuk barangan sukan Adidas. Ini kerana saingan dari produk sukan yang lain yang berlumba-lumba untuk mendapatkan atlit sebagai model untuk barangan sukan mereka.